



PERBADANAN LABUAN

Peti Surat 81245, 87022 W.P.Labuan
Tel: 087-408851 / 408852 Faks: 087-431478
Emel: jahmurniwaty@pl.gov.my
Laman web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

SEMUA MEDIA TEMPATAN/NASIONAL

PROGRAM NUR RAMADAN YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sempena kedatangan bulan Ramadan al Mubarak 1434H, Menteri Wilayah Persekutuan YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansur akan menghadiri Program Nur Ramadan di Wilayah Persekutuan Labuan pada 20 Julai 2013. Majlis ini akan diadakan di Surau Annur Rahim, Kampung Sungai Buton, Wilayah Persekutuan Labuan. Majlis yang diadakan setiap tahun ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Perbadanan Labuan yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim warga Kementerian dan Perbadanan Labuan bersama warga Labuan.

Pemilihan Surau Annur Rahim, Kampung Sungai Buton sebagai lokasi acara pada tahun ini adalah bagi memastikan semua surau berpeluang menjadi lokasi program acara YB Menteri Wilayah Persekutuan di Labuan. Pada majlis ini, YB Menteri akan menyampaikan sumbangan kepada 500 orang penerima yang terdiri daripada golongan warga emas, orang kelainan upaya (OKU), anak-anak yatim, fakir miskin dan ibu tunggal. Jumlah sumbangan bernilai RM50,000.00 tersebut merupakan peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan sebanyak RM40,000.00 dan RM10,000.00 sumbangan daripada Yayasan Wilayah Persekutuan.

Pada majlis yang sama, Surau Annur Rahim Kampung Sungai Buton juga akan menerima sumbangan berjumlah RM10,000.00 bagi membiayai tabung pengurusan surau. Pada masa ini, surau ini dapat memuatkan kira-kira 300 orang Jemaah.

Selain itu, YB Menteri juga akan menyampaikan sumbangan berjumlah RM12,000.00 kepada Madrasah Tahfiz Sri Merinding, Kg Layang-Layangan. Madrasah ini didirikan pada tahun 1996 yang merupakan pusat tahfiz yang pertama di Labuan dan mula dibuka kepada orang luar bermula pada tahun 2003. Pada masa ini, pusat ini mempunyai kira-kira 30 orang pelajar dan 3 orang tenaga pengajar.

Pengisian Program Nur Ramadan akan bermula dengan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi Perbadanan Labuan diikuti penyampaian sumbangan dan Majlis berbuka puasa serta solat maghrib dan Tazkirah Ramadan. Majlis ini akan berakhir dengan jamuan moreh setelah selesai solat Isya, Tarawih dan Witr berjemaah.

Disediakan Oleh,

Jabatan Hal Ehwal Korporat, Perbadanan Labuan

16 Julai 2013